

NO. SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8237

SOALAN:

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang dibuat
bagi menjaga keselamatan kakitangan berkaitan pelaksanaan
undang-undang seperti pihak pendakwa raya dan majistret yang
terdedah kepada pelbagai risiko keselamatan diri.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sentiasa komited bagi melindungi semua rakyat Malaysia berdasarkan tanggungjawab yang telah diamanahkan di bawah seksyen 3(3) Akta Polis 1967 untuk memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan negara, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah dan mengumpul risikan keselamatan.

Selaras dengan peruntukan undang-undang yang dinyatakan, setiap individu atau mana-mana pihak di Malaysia yang merasakan diri mereka terancam atau adanya ugutan jenayah ke atas mereka, suatu laporan hendaklah dibuat kepada pihak polis di mana pihak polis akan menjalankan siasatan serta jika perlu memberikan perlindungan keselamatan kepada pengadu atau individu yang terancam. Perlindungan keselamatan ini juga diberikan kepada mana-mana perlaksana undang-undang termasuk pihak Pendakwaraya atau pun Majistret sekiranya keselamatan mereka terancam dan dilaporkan kepada pihak polis.

Selain daripada itu, pihak polis juga menjalankan rondaan berkala serta lawatan-lawatan kepada semua bangunan-bangunan Kerajaan termasuk bangunan yang menempatkan

pegawai-pegawai yang terlibat dengan tugas-tugas perundangan seperti Hakim, Majistret atau Timbalan Pendakwaraya. Mereka yang berisiko juga boleh mendaftarkan alamat kediaman dan lain-lain maklumat berkaitan seperti ahli keluarga yang tinggal bersama kepada mana-mana Balai Polis yang berhampiran. Melalui butiran ini, pihak polis boleh meningkatkan rondaan atau pemantauan keselamatan di kediaman atau ketika mereka berada di luar pejabat.

SOALAN (27)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2015
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan di Langkawi hanya terdapat 1 buah balai bomba iaitu di Kuah, apakah kerajaan bercadang untuk menambah pembinaan sebuah lagi balai bomba di Langkawi, terutamanya di kawasan Pantai Cenang atau Padang Matsirat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah pun menjalankan kajian keperluan pembinaan sebuah balai bomba tambahan di kawasan berkenaan.

Peruntukan untuk perolehan tapak dan pembinaan balai akan dipohon dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) *Rolling Plan* yang akan datang.